

TARIKH : 26 OGOS 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 7
SURAT

Hutang baharu berkurang, defisit fiskal terus menyusut

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar
Harian

NASIONAL 7
SELASA 26 OGOS 2025 • SINAR HARIAN

Pengurangan penting kerana selagi defisit fiskal wujud, jumlah keseluruhan hutang akan terus bertambah

Hutang baharu berkurang, defisit fiskal terus menyusut

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan hutang baharu negara berkurang secara berperingkat meskipun berdepan polemik politik berterusan mengenai kedudukan keseluruhan hutang negara.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pengurangan itu penting kerana selagi defisit fiskal wujud, jumlah keseluruhan hutang akan terus bertambah.

"Defisit fiskal memang mencabar. Kerajaan Madani yang pertamanya sedang cuba menurunkan defisit fiskal dan hutang baharu walaupun menjadi polemik politik tidak berkesudahan. Kenapa kita kena turunkan (defisit)? Kalau tidak turunkan, hutang akan membengkak.

"Sebab itu defisit harus dikurangkan. Kita dah kurangkan daripada 5.6 peratus, lima peratus, empat peratus dan sekarang kita unjurkan 3.8 peratus, dan tahun berikutnya untuk terus menurun," kata beliau semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) di Dewan Negara pada Isnin.

Beliau berkata, hutang keseluruhan bertambah kerana beban faedah hutang lama yang diwarisi, bukan kerana pinjaman baharu dan rekod jelas menunjukkan hutang baharu berkurang.

Menurut Anwar, kerajaan komited untuk terus menurunkan defisit fiskal secara berperingkat dengan sasaran mencapai paras tiga peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh lima tahun akan datang dan mencapai paras hutang tidak melebihi 60 peratus kepada KDNK.

Sementara itu Anwar menegaskan jumlah peruntukan diterima sesuatu kumpulan masyarakat tidak harus dijadikan polemik kerana setiap pembangunan dilaksanakan secara adil dan saksama menerusi pelaksanaan RMK13.

Katanya, Kerajaan Madani sentiasa komited memastikan setiap kaum termasuk Melayu, Cina, India, bumiputera Sabah dan Sarawak, Orang Asli, wanita, orang kurang upaya (OKU) dan belia menerima manfaat mengikut keperluan.

"Saya sangat tidak senang dengan polemik sedemikian kerana ia memberikan gambaran seolah-olah orang Melayu sudah selesa, begitu juga masyarakat India atau Cina.

"Maka, jangan pertikai apabila sesuatu kaum menerima manfaat lebih tinggi. Itu berdasarkan

SIDANG PARLIMEN



Anwar membentangkan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) di Dewan Negara pada Isnin.

keperluan, bukan kaum. Kalau nak minta kemudahan untuk masyarakat India, silakan. Orang Melayu majoriti di negara ini dan yang miskin majoritinya juga Melayu. Jadi, sebab itu kita harus berikan tumpuan," katanya Bernama